

2a.

Insp. Sohaimi B. Hashim

(B)

017-6433054

(4)

**SESI KONSULTASI JAWATAN KUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG RANG
UNDANG-UNDANG BERSAMA PERSATUAN-PERSATUAN PEGAWAI POLIS**

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)
MASA : 3.00 PETANG
TEMPAT : BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA, PARLIMEN MALAYSIA
PERSATUAN : PERSATUAN PEGAWAI KANAN POLIS CAWANGAN INSPEKTOR

SURUHANJAYA BEBAS DAN SALAH LAKU POLIS ATAU

INDEPENDENT POLICE COMPLAINTS AND MISCONDUCT COMMISSION (IPCMC)

Yg Ber

ASSALAMMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA.

YDH YANG BERHORMAT TUAN PENERUSI,

YDH YB-YB, YDH DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.

TERLEBIH DAHULU BERSYUKUR KITA KEHADRAT ILAHI DENGAN LIMPAN KURNIA DAN KEIZINANNYA ~~DAPAT KITA BERKUMPUL DI BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA PARLIMEN MALAYSIA.~~

~~SECARA PERIBADI TIDAK TERFIKIR OLEH SAYA~~ ^{daapat} ~~UNTUK BERADA DI DALAM BANGUNAN YANG PENUH BERSEJARAH INI, WALAUPUN BUKAN BERADA DIDALAM DEWAN PERLIMEN YANG BERSIDANG TETAPI INI ADALAH SATU MONUMEN BERSEJARAH BUAT DIRI SAYA SEBAGAI PENJAWAT AWAM DAN RAKYAT MALAYSIA AMNYA.~~

TERLEBIH DAHULU IZINKAN SAYA MEMPERKENALKAN DIRI....

SAYA INSPEKTOR SOHAIMI BIN HASIM MERANGKAP PENERUSI PERSATUAN PEGAWAI KANAN POLIS CAWANGAN INSPEKTOR. SAYA DIBERI MANDAT MEWAKILI PERSATUAN PEGAWAI KANAN POLIS CAWANGAN INSPEKTOR DALAM SESI KONSULTASI INI.

- boleh ditahan 24jam
- bawa ke hadapan song mystr utk menyayikan tempoh perahanan melebihi 24jam
- kmyataan 112-ambil keterangan

TERLEBIH DAHULU, DENGAN RENDAH DIRINYA SAYA MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN KHASNYA KEPADA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA BEBAS ADUAN SALAH LAKU POLIS 2019 KERANA MENJEMPUT PERSATUAN-PERSATUAN PEGAWAI POLIS DALAM SESI KONSULTASI BERHUBUNG PENUBUHAN RUU IPCMC INI.

SEPERTIMANA YANG TERMAKTUB DIDALAM SEKSYEN 93 AKTA POLIS YANG "MEMBOLEHKAN PEGAWAI –PEGAWAI POLIS MENIMBANGKAN DAN MEMBAWA KEPADA PERHATIAN KERAJAAN SEMUA PERKARA YANG MELIBATKAN KEBAIKAN DAN KECEKAPAN MEREKA TERMASUK GAJI, PENCEN DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN. SELAIN DARIPADA SOALAN-SOALAN YANG MELIBATKAN KENAIKAN PANGKAT INDIVIDU DAN DISIPLIN, SUATU PERSATUAN ATAU LEBIH BOLEH DITUBUHKAN".

UNTUK MAKLUMAN YANG BERHORMAT TUAN Pengerusi serta ahli mesyuarat, keahlian inspektor seluruh Malaysia adalah seramai ~~820~~ ^{7798 (Inp/Insp/P)} ORANG, BERDIRI TEGUH DIBELAKANG YDH KETUA POLIS NEGARA SERTA PUCUK PIMPINAN PASUKAN DAN MENYANYUNGI TINGGI USAHA KERAJAAN DALAM USAHA MENINGKATKAN KEYAKINAN MASYARAKAT TERHADAP AGENSI PENGUAT KUASA IAITU PDRM.

SEPERTIMANA MATLAMAT UTAMA PENUBUHAN IPCMC, IAITU SATU DARIPADA 125 CADANGAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH AHLI SURUHANJAYA DIRAJA (RCI) YANG DITUBUHKAN PADA 18 APRIL 2005 ADALAH UNTUK MENGENDALIKAN SIASATAN TERHADAP SEBARANG LAPORAN MEMBABITKAN PENYALAHGUNAAN KUASA OLEH POLIS.

YB TUAN Pengerusi serta ahli mesyuarat sekalian,

PDRM MEMPUNYAI 16 PERINGKAT PANGKAT YANG DIBAHAGIKAN KEPADA 2 KATEGORI IAITU:

- 1)KUMPULAN PEGAWAI KANAN POLIS BERMULA DARI PANGKAT INSP SEHINGGA INSPEKTOR GENERAL POLIS (IGP)
- 2)KUMPULAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL.

PEGAWAI KANAN POLIS BERPANGKAT INSPEKTOR MERUPAKAN KUMPULAN PELAKSANA PEGAWAI KANAN YANG TERENDAH DALAM RANGKING PEGAWAI KANAN POLIS. TANGGUNGJAWAB INSPEKTOR DALAM PASUKAN ADALAH AMATLAH BESAR DAN PENTING DALAM MERANCANG, MENGUKUHKAN KEUPAYAAN SIASATAN, KECEKAPAN BERTINDAK DALAM MENANGANI JENAYAH YANG CANGGIH, MEMBUAT KEPUTUSAN YANG CEPAT DAN TEPAT SERTA MENYELIA ANGGOTA DIBAWAHDNYA.

ANTARA TUGAS INSPEKTOR ADALAH SEPerti PEGAWAI PENYIASAT KANAN, PEGAWAI PENYIASAT, PEGAWAI RISIKAN, KETUA POLIS BALAI, PLATUN KOMANDER, KETUA CAWANGAN, KETUA UNIT, KETUA OPERASI DAN LAIN-LAIN. TIADA JAWATAN SELEPAS INSPEKTOR DAN TIADA HUKUMAN TURUN PANGKAT KEATAS INSPEKTOR KECUALI HUKUMAN BUANG KERJA. OLEH ITU, PPKP CAW. INSP. BERPANDANGAN RUU IPCMC INI HARUSLAH MELIHAT DIDALAM RUANGLINGKUP YANG LUAS SEBELUM DILAKSANAKAN DEMI MEMASTIKAN HAK DAN KEBAJIKAN AHLI-AHLI INSPEKTOR TERPELIHARA.

PERSATUAN PEGAWAI KANAN POLIS CAWANGAN INSPEKTOR BERSETUJU DENGAN PANDANGAN YDH TUAN PRESIDEN PERSATUAN PEGAWAI KANAN POLIS IAITU SAC SULAIMAN BIN YAHYA SEBENTAR TADI DENGAN SEDIKIT PENAMBAHAN DARI PIHAK KAMI.

SEPERTIMANA YANG KITA SEDIA MAKLUM, CADANGAN KERAJAAN UNTUK MENUBUHKAN IPCMC TELAH HEBAT DIPERKATAKAN DI PERINGKAT PARLIMEN, NGO-NGO, PIHAK BARISAN PEMBANGKANG, PEGAWAI DAN ANGGOTA PDRM ITU SENDIRI DAN MASYARAKAT UMUM.

DALAM PEDEBATAN IPCMC INI PIHAK KERAJAAN TELAH MENCUNKIL BEBERAPA KELEMAHAN DARI SEGI PERANAN, TANGGUNGJAWAB, ETIKA KERJA, PROSEDUR KERJA, STRUKTUR ORGANISASI, AGIHAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA YANG PADA PENDAPAT MEREKA DAPAT MENAMBAHBAIK DAN MEMODENKAN PDRM.

Lokap - 8x8
— ~~B40~~ - B.P tambun
Sungih
Tangkak
Jng naliur
Goo - Lokap

HASIL DARIPADA PENELITIAN DAN KAJIAN SEGENAP ASPEK, PERSATUAN PEGAWAI KANAN POLIS CAWANGAN INSPEKTOR MENDAPATI DERAH RANG UNDANG-UNDANG INI MASIH TIDAK SEMPURNA DAN TIDAK BOLEH DIMUKTAMADKAN PERLAKSANAANNYA BUAT MASA INI. ANTARA KEPINCANGAN YANG JELAS TERLIHAT DI DALAM DERAH RUU IPCMC INI IALAH SEPERTI:

1. FUNGSI-FUNGSI, KUASA-KUASA, TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG DIBERIKAN KEPADA IPCMC BEGITU LUAS DAN TIDAK TERHAD.

- 1.1. SECARA AMNYA, KUASA-KUASA DAN PERANAN AHLI-AHLI SURUHANJAYA IPCMC INI DILIHAT BEGITU LUAS DAN TIDAK TERHAD KEPADA MENERIMA PENGADUAN, FUNGSI MENYIASAT, MEMBUAT TUDUHAN MALAH BOLEH MENGHUKUM PEGAWAI-PEGAWAI POLIS YANG TERLIBAT DALAM GEJALA RASUAH, SALAHGUNA KUASA MALAH MERANGKUMI BIDANG KUASA LEBIH YANG LUAS SEPERTI SOAL-SOAL DISIPLIN DAN TATAKERJA KEPOLISAN. DALAM MENJATUHKAN HUKUMAN, TERTUDUH BOLEH MERAYU NAMUN HUKUMANNYA TETAP DIPUTUSKAN OLEH AHLI-AHLI SURUHANJAYA (SEKSYEN 33 RUU IPCMC)
- 1.2. KUASA-KUASA YANG DIBERIKAN KEPADA IPCMC INI TELAH MEMBATASI IMUNITI BEBERAPA AKTA YANG LAIN SEPERTI AKTA RAHSIA RASMI 1972, AKTA KETERANGAN 1950 DAN AKTA KANUN ACARA JENAYAH 1976.
- 1.3. IPCMC BUKAN SAHAJA MENGHAKIS DAN MENGHILANGKAN KUASA SERTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI DALAM NEGERI (MDN), KETUA POLIS NEGARA (KPN), KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KSU) YANG TELAH DIJAMIN DIBAWAH PERKARA 140 (3) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAAN SEBAGAI SPP BERDASARKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BEGITU JUGA DENGAN AKTA POLIS SERTA PERINTAH TETAP KPN.
- 1.4. PERNUBUHAN IPCMC INI BUKAN SAHAJA MENYEKAT PERANAN DAN FUNGSI SPP, KPN DAN JIPS MALAH AKAN MENGAMBIL ALIH KESELURUHAN KUASA KAWALAN TATATERTIB KE ATAS WARGA PDRM. SPP, KPN DAN JIPS AKAN DILIHAT TIDAK RELEVAN DAN HILANG FUNGSI UTAMA 'COMMAND AND CONTROL' KE ATAS SEMUA PEGAWAI POLIS DALAM MENGEKALKAN KAWALAN TATAERTIB DI BAWAH BIDANG KUASA SPP SEPERTIMANA TERMAKTUB DALAM ASPEK KAWALAN SALAH LAKU TETATERTIB PDRM SEPERTI:
 - 1) PERKARA 135 (1) SEKATAN MENGENAI PEMBUANGAN KERJA DAN PENURUNAN PANGKAT
 - 2) PERKARA 140 (1) FUNGSI DAN AKTIVITI UTAMA SPP

3) PERKARA 140 (3) AHLI-AHLI SPP

4) PERKARA 140 (2) & (6)(e) UNDANG-UNDANG PERSEKUTUAN BOLEH MEMBUAT PERUNTUKAN BAGI KEPERLUAN SPP MENJALANKAN FUNGSI LAIN/MEMBUAT PERUNTUKAN BAGI KEPERLUAN SEMASA DAN MASA DEPAN.

5) SEKSYEN 4 – AKTA POLIS 1967 – KAWALAN PASUKAN

6) SEKSYEN 74 – AKTA POLIS 1967 – PEGAWAI POLIS TERTAKLUK KEPADA PERATURAN-PERATURAN DISIPLIN.

2. KETIRISAN MAKLUMAT KESELAMATAN NEGARA TANPA KAWALAN.

2.1. SURUHANJAYA INI DIBERI KUASA UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT DAN BUKTI-BUKTI DALAM DOKUMEN, PEMINTASAN KOMUNIKASI SEPERTI TELEFON, INTERNET, POS SERTA MEMASUKI MANA-MANA PREMIS DAN MENGELEDAH TANPA WARAN. (RUU IPCMC PERKARA 29(3) .

2.2. IPCMC MERUPAKAN BADAN BEBAS DAN AHLI DILANTIK DI KALANGAN ORANG AWAM YANG DIBERI KUASA UNTUK MENGAKSES MAKLUMAT DAN RAHSIA KERAJAAN YANG BOLEH BERLAKU KETIRISAN MAKLUMAT TANPA KAWALAN.

2.3. SELAIN ITU KUASA MEMANTAU, MENYELIDIKI, MENELITI, RISIKAN DAN MENYUSURI MELALUI FIZIKAL MAHUPUN SISTEM PERHUBUNGAN MEDIA TERMASUK INTERNET, KEMUDAHAN TELIFON, POS SERTA MELIHAT FAIL-FAIL SULIT, RAHSIA OPERASIONAL KEPOLISAN, RAHSIA KESELAMATAN NEGARA YANG DIKATEGORI SEBAGAI RAHSIA BESAR/CICERO MAMPU MENGGUGAT ISU KESELAMATAN NEGARA SEKIRANYA JATUH KETANGAN ORANG YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN MENGGANGGU SIASATAN.

2.4 AMALAN SEPERTI INI TIDAK PERNAH BERLAKU DIMANA-MANA NEGARA MAJU SEKALI PUN YANG MEMBOLEHKAN MAKLUMAT SULIT, DATA DAN FAIL-FAIL AGENSI KESELAMATAN DIPERIKSA ATAU DIBAWA KELUAR OLEH SATU AGENSI YANG LAIN.

3. KESEMPATAN OLEH PIHAK BERKEPENTINGAN.

3.1. MELALUI IPCMC INI, PIHAK-PIHAK YANG BERKEPENTINGAN AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MEMBUAT TOMAHAN DAN ADUAN YANG TIDAK BERASAS BAGI MENJEJASKAN IMEJ DAN INTEGRITI PDRM TERMASUK MEMBATALKAN

UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN JENAYAH ATAU PENGANAS YANG DIGUNAPAKAI OLEH PDRM SEPERTI RUU SOSMA.

3.2. PENJENAYAH AKAN BERMAHARAJARELA DAN MELAKUKAN AKTIVITI JENAYAH TANPA MENGHIRUKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG. SEPERTI MANA YANG TERMAKTUB DALAM RUU IPCMC DALAM PERKARA ^{seksyen} 37 DAN 38. PENJENAYAH AKAN MENGGUNAKAN IPCMC SEBAGAI ALAT MELEMAHKAN PASUKAN POLIS.

4. **MENJADIKAN PDRM SEBAGAI EKSPERIMEN.**

Persoalan utama kami?

4.1. ADAKAH PASUKAN POLIS TELAH MENCAPAI TAHAP DISIPLIN YANG PALING TERUK DAN MEMERLUKAN BADAN PEMANTAU LUAR YANG LAIN UNTUK MEMANTAU DISIPLIN PEGAWAI POLIS? IPCMC HANYA MENJURUS KEPADA PDRM DAN TIDAK MELIBATKAN 21 AGENSI PENGUATKUASA YANG LAIN SEPERTIMANA DALAM SURUHANJAYA SIAP. IA TIDAK MENYELURUH DAN MENJADIKAN PDRM SEBAGAI EKSPERIMEN (YDH TAN SRI ABU KASSIM – PENGARAH GIACC)

4.2. PENUBUHAN IPCMC INI DILIHAT DIDASARKAN PROPAGANDA PIHAK-PIHAK YANG BERKEPENTINGAN UNTUK MENYEKAT DAN MENGHILANGKAN KUASA-KUASA PDRM. SEKIRANYA IPCMC INI DIBUAT HANYA KE ATAS PDRM TANPA MELIBATKAN AGENSI-AGENCI LAIN, INI AKAN MEMBERIKAN PERSEPSI YANG TIDAK BAIK OLEH AGENSI PENGUATKUASA LAIN.

4.3. PDRM TIDAK AKAN DIANGGAP PENERAJU UNTAMA PENGUATKUASA DI AMALYSIA DAN DIBERIKAN RENTING YANG PELING RENDAH. PDRM AKAN DIJADKAN BAHAN EKSPERIMEN TANPA MELALUI KAJIAN DAN PENYELIDIKAN LANJUT DAN HANYA SEMATA-MATA BERDASARKAN ADUAN DAN TOHMAHAN SERTA SALAH LAKU PEGAWAI YANG TIDAK BERASAS.

5. **MELAKSANAKAN TUGAS TANPA RELA DAN SUCI HATI.**

5.1. DENGAN KEWUJUDAN IPCMC INI, PEGAWAI POLIS DI LAPANGAN AKAN BERTUGAS DALAM SITUSI PLAY SAFE DAN TERTEKAN KERANA DIBIMBANGI DENGAN TOMAHAN, MELANGGAR PROSEDUR DAN PERATURAN YANG MUNGKIN DIAMBIL TINDAKAN OLEH PIHAK IPCMC UNTUK MENJALANKAN SIASATAN TATATERTIB. INI MEMBERIKA KESAN YANG AMAT SERIUS E ATAS ISU KESELAMATAN NEGARA YANG DIERTANGGUNGJAWABKAN KE ATAS PDRM.

5.2. DENGAN TEKANAN BEBAN KERJA SERTA ISU PERIBADI INDIVIDU ATAU KUMPULAN MAMPU MENCETUSKAN SITUASI YANG TIDAK DIINGINI BERLAKU. PERLAKUAN MELAKSANAKAN TUGAS TANPA RELA DAN SUCI HATI AKAN MENYEBABKAN KADAR JENYAH MENINGKAT KERANA PELAKSANA UNDANG-UNDANG TIDAK MELAKSANAKAN PERKARA SEPATUTNYA.

5.3. *sekitarnya hak² Peg. Polis tidak dijaga, terjamin atau talak*
PENJAWAT AWAM AKAN MENYOKONG PIHAK PEMBANGKANG DALAM SESUATU PILIHANRAYA KECIL CONTOHNYA DI PRK SEMENYIH, CAMERON HIGHLANDS DAN REMBAU. BERLAKU RUSUHAN ATAU PEMBOIKOTAN TUGAS *- play safe* OLEH PENJAWAT AWAM SEKIRANYA TEKANAN YANG AMAT TINGGI DIHADAPI OLEH MEREKA. CONTOHNYA KEJADIAN MOGOK OLEH PASUKAN POLIS di AUSTRALIA, AFRIKA, JERMAN DAN BARU-BARU INI DI PARIS PADA 03 OKTOBER 2019 KERANA ISU KEBAJIKAN DAN KEADAAN KERJA YANG TERUK.

6. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN RUU IPCMC.

- 6.1. KEANGGOTAAN IPCMC HARUS TERDIRI DARIPADA INDIVIRU BERKELAYAKAN, KHUSUSNYA BEKAS HAKIM MAHKAMAH TINGGI BAGI JAWATAN PENERUSI DAN TIMBALAN, MANAKALA AHLI-AHLI LAIN MERANGKUMI PELBAGAI LATAR BELAKANG TERMASUK DARI BEKAS KETUA-KETUA POLIS NEGARA YANG MEMPUNYAI PENGALAMAN YANG LUAS DALAM DUNIA KEPOLISAN.
- 6.2. KATA PUTUS PERLANTIKAN ANGGOTA IPCMC ADALAH BUDI BICARA PERDANA MENTERI DAN KABINET, SELAIN MENDAPAT PERKENAN YANG DI-PERTUAN AGONG. SEBAIK NAMA YANG DI CADANGKAN SEBAGAI AHLI PERLU DI PAPARKAN KEPADA AWAM BAGI MEMBERI LALUAN TERHADAP SEBARANG BANTAHAN SERTA SARINGAN.
- 6.3. BAGI MEMASTIKAN WUJUD SISTEM SEMAK DAN IMBANG, SETIAP LAPORAN IPCMC MENGENAI SALAH LAKU ANGGOTA POLIS WAJAR DIJADIKAN DOKUMEN AWAM. IA HARUSLAH DI SIASAT DAN SEMAK DENGAN TELITI DAN ADIL OLEH SURUHANJAYA IPCMC.
- 6.4. MENYENTUH POLIMEK PERUNDANGAN PULA, PENGUBAL DAN PEMBUAT DERAf RUU IPCMC INI PERLULAH MELIBATKAN JAWATANKUASA PERUNDANGAN PDRM YANG DILANTIK AGAR CADANGAN-CADANGAN YANG BAKAL DILAKSANAKAN DIPERCAYAI TIDAK AKAN MENJEJASKAN PERANAN DAN KUASA POLIS DALAM MENENTUKAN KESTABILAN SERTA KEHARMONIAN NEGARA TANPA MENGENEPIKAN HAK WARGA PDRM SEBAGAI PASUKAN KESELAMATAN NEGARA SERTA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA.

- 6.5. SEBALIKNYA UNTUK MENUNGGU RUU IPCMC INI BERTINDAK DENGAN TEGUH DAN SEMPURNA SERTA MAMPU MELAKSANAKAN OBJEKTIF PENUBUHANNYA PERSATUAN MENCADANGKAN MEKANISME SURUHANJAYA PASUKAN POLIS (SPP) PERLU DIPERKUKUHKAN DAN DIMANTAPKAN LAGI DENGAN MEMBERI KEMAMPUAN UNTUK BERTINDAK BAGI MEMENUHI KEPERLUAN DAN KEHENDAK KERAJAAN.

KESIMPULAN.

IPCMC YANG CUMA DIFOKUSKAN TERHADAP PDRM DILIHAT TIDAK BERAPA REALISTIK UNTUK DIIMPLENMENTASIKAN BUAT MASA INI ~~DAN IA AKAN MEMBEBAHKAN KERAJAAN DARI SUDUT PERBELANJAAN PENUBUHAN.~~

DALAM KONTEKS NEGARA KITA YANG DIKATAKAN MENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI TERPIMPIN DENGAN MELETAKKN MARTABAT DAN HAK ASASI DI TEMPATNYA DAN SAMA RATA UNTUK SEMUA, MAKA ADALAH PERLU SUARA ANGGOTA POLIS JUGA TURUT DIDENGAR BAGI MENILAI HAK DAN MASALAH ~~KITA~~ *KAMI*.

HASIL DARIPADA PENELITIAN DAN KAJIAN SEGENAP ASPEK, PERSATUAN PEGAWAI KANAN POLIS CAWANGAN INSPEKTOR MENYUARAKAN ~~DERAF RANG UNDANG-UNDANG~~ *pandangan bahwa* INI MASIH TIDAK SEMPURNA DAN TIDAK BOLEH DIMUKTAMADKAN PERLAKSANAANNYA BUAT MASA INI. PERSATUAN BERSETUJU DENGAN MENYATAKAN PENDIRIAN BAHAWA KETIDAKTEPATAN PENGIMPLIMENTASIKAN RUU IPCMC AKIBAT BANYAK KELOMPOGAN DAN KEKURANGAN YANG PERLU DIPERHALUSI DAN PERLU DIBUAT KAJIAN SECARA HOLISTIK DAN MENYELURUH DALAM SEGENAP SUDUT. UNDANG-UNDANG BUKANLAH SEGALA-GALANYA, KEJUJURAN, KEIKHLASAN, AMANAH DAN BERTOLAK ANSUR ADALAH JANJI KEPADA KEHIDUPAN YANG HARMONI DAN SEJAHTERA.

SEKIAN.

TERIMA KASIH.

017-6433054

DASAR PENTING YANG HARUS DIPERTIMBANGKAN OLEH SELECT COMMITTEE
IPCCM.

1. Kuasa Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) dalam penurunan pangkat dan pemecatan pegawai atau anggota polis adalah di bawah Perkara 135 Perlembagaan Persekutuan. Maka, wujud percanggahan di antara klausa Lembaga Tatatertib IPCCM dengan Perkara 135 Perlembagaan Persekutuan kerana SPP hanya tertakluk untuk menjalankan kuasa perlantikan sahaja, dimana sepatutnya institusi yang melantik seharusnya mempunyai kuasa untuk memecat; dan
2. Perlantikan Ketua Polis Negara dan juga Ahli SPP ke dalam Lembaga Tatatertib IPCCM adalah berkemungkinan tidak sah atas alasan kuasa kawalan tatatertib di bawah SPP telah diambil alih oleh IPCCM maka Ketua Polis Negara dan Ahli SPP tiada sebarang kuasa mengadili kes berhubung kesalahan tatatertib seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan iaitu:

*Dengan syarat bahawa Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi perjalanan apa-apa kawalan tatatertib ke atas semua atau mana-mana anggota pasukan polis mengikut apa-apa cara dan oleh mana-mana pihak berkuasa yang diperuntukkan dalam undang-undang itu, dan dalam keadaan yang sedemikian, jika pihak berkuasa itu bukan Suruhanjaya itu, **kawalan tatatertib yang boleh dijalankan oleh pihak berkuasa itu tidak boleh dijalankan oleh Suruhanjaya itu;** dan tiada peruntukan undang-undang itu boleh menjadi tidak sah atas alasan ketidakselarasan dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini.*
3. Preamble IPCCM memerlukan penjelasan lanjut kerana pada ketika ini ia membawa maksud yang amat luas dan tidak jelas berkaitan siasatan, aduan, serta apa-apa perkara berhubung dengan salah laku. i.e matters related to;

4. Seksyen 5(2)(c) RUU IPCMC 2019 berkaitan dengan kuasa mengaudit dan memantau aspek operasi PDRM;
5. Seksyen 13(1)(c) RUU IPCMC 2019 berkaitan penurunan kuasa IPCMC kepada wakil PDRM untuk melaksanakan kuasa dan fungsi IPCMC;
6. Seksyen 22 (1) (c) RUU IPCMC 2019 berkaitan maksud **unreasonableness** yang terlalu luas dan sehingga kini melalui berbagai **case law**, ia masih tidak dapat memberi satu definisi yang tepat maka ia tidak sesuai dijadikan sebagai satu elemen di bawah skop salah laku;
7. Seksyen 22(2) RUU IPCMC 2019 iaitu pengecualian definisi salah laku administratif di bawah Seksyen 96 dan 97 Akta Polis 1967;
8. Seksyen 24(1) RUU IPCMC 2019 berkaitan penerimaan aduan bertulis yang dialamatkan kepada IPCMC dan pemakaian Seksyen 28 RUU IPCMC 2019 dimana pengadu harus dimaklumkan status aduan selepas selesai siasatan salah laku dijalankan oleh IPCMC;
9. Seksyen 26 dan 27 RUU IPCMC 2019 berkaitan pendedahan maklumat dan dokumen terperingkat semasa siasatan aduan salah laku;
10. Seksyen 31(4) RUU IPCMC 2019 berkaitan Lembaga Tatatertib Khas bagi mengendalikan aduan salah laku terhadap Ketua Polis Negara (KPN);
11. Seksyen 32(3) RUU IPCMC 2019 berkaitan tempoh masa yang ditakrifkan sebagai *Expeditious* dalam menangani prosiding tatatertib;
12. Isu berkaitan surat layang dan PDRM memohon agar semua aduan yang diterima perlu mempunyai butiran pengadu yang lengkap;

13. Peraturan dan mekanisma yang akan digunakan dalam pelaksanaan fasal 24, fasal 25(b) dan fasal 28(2)(b)
14. Peruntukan hukuman adalah tidak sepadan dengan kesalahan salah laku iaitu penjara 2 atau 3 tahun dan denda sebanyak RM10,000. Cadangan PDRM, kegagalan mematuhi arahan Suruhanjaya, boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 174 Kanun Keseksaan.
15. Peruntukan *BILL OF RIGHTS* yang mengandungi 10 klausa melindungi hak perlembagaan Pegawai dan Anggota PDRM sebagai satu bab dalam RUU IPCMC 2019;
16. Ketidakperluan kuasa di bawah Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) diberikan kepada IPCMC untuk menyiasat kes kematian di dalam tahanan polis kerana peruntukan Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan tidak memberi kuasa kepada IPCMC untuk menyiasat kes yang mempunyai unsur jenayah; dan
17. Status usul PDRM yang telah diusulkan oleh SAC Sulaiman Bin Yahya ketika sesi libat urus bersama GIACC pada 16 Mei 2019 berkenaan cadangan agar perkhidmatan PDRM dinaiktaraf dan antaracadangan tersebut adalah seperti berikut:-
 - 17.1 *To be recognized as a special service.*
 - 17.2 *Enhancing investigative policing.*
 - 17.3 *Upgrade the equipment and logistics.*
 - 17.4 *Provide better police premises and housing.*
 - 17.5 *To enhance the existing law in terms of policing.*

